

16 JUL 1996

Parlimen-Mahathir

KEPIMPINAN DR MAHATHIR SELAMA 15 TAHUN DISANJUNG TINGGI

KUALA LUMPUR, 16 Julai (Bernama) -- Pengerusi Kelab Penyokong-penyokong Kerajaan Ruhanie Ahmad (BN-Parit Sulong) menyanjung kejayaan kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang hari ini genap 15 tahun beliau menerajui kerajaan.

"Dr Mahathir kini diiktiraf sebagai tokoh bangsa Malaysia... kepimpinannya sentiasa dikagumi dan kehadirannya sentiasa dirindui semua golongan rakyat tanpa batas keturunan dan agama," katanya ketika membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1996 pada persidangan Dewan Rakyat di sini, hari ini.

Beliau berkata, tempoh 15 tahun itu dirasakan singkat kerana kepimpinan Dr Mahathir sentiasa segar, penuh dinamik dan memangkin kemajuan serta kecemerlangan negara.

Menurut Ruhanie, seorang bekas diplomat barat M.S Dobbs-Higginson mencatatkan dalam bukunya "Asia Pacific, Its Roles In The New Disorder", Dr Mahathir adalah negarawan bertaraf dunia, berwawasan besar serta disegani dan beliau sedang memahatkan namanya di peta diplomatik dunia.

Presiden Bank Pembangunan Islam, Dr Usamah al Faqih pula pernah berkata Malaysia di bawah pimpinan Dr Mahathir adalah sebuah negara Islam berdaya maju dan telah berjaya menonjolkan imej Islam yang tinggi di mata komuniti dunia.

"Dalam pada itu, Dr Mahathir sering diserang, ditohmah dan kadang-kadang cuba dipersendakan oleh segolongan media barat," katanya.

Bagaimanapun majalah Asiaweek keluaran 5 Julai 1996 telah mengelaskan Dr Mahathir sebagai tokoh keempat daripada 50 tokoh lain yang amat berpengaruh di Asia.

Kepada UMNO, Dr Mahathir dikaitkan dengan penyatuan anggota serta pengukuhan parti. Beliau berjaya membanteras gelombang politik yang menggugat parti dan bangsa Melayu.

Ruhanie berkata idea Perdana Menteri sentiasa relevan, segar dan serasi dengan gerakan pembaharuan nasional.

"Dr Mahathir mencipta kejayaan kerana beliau seorang yang berdisiplin tinggi, juga kerana beliau seorang yang berdedikasi kepada agama, bangsa dan tanahair," katanya. -- BERNAMA

NJ PR